



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TALKING POINT

TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PUSAT JAGAAN YANG DISYAKI MELAKUKAN PENDERAAN TERHADAP KANAK-KANAK

1. Hari ini saya telah turun membuat tinjauan ke atas **kanak-kanak yang telah diselamatkan dan ditempatkan di institusi di bawah pentadbiran JKM rentetan tindakan penguatkuasaan ke atas Pusat Jagaan yang disyaki melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.**
2. Susulan daripada kes yang telah tular di media sosial mengenai **seorang kanak-kanak perempuan OKU berumur 13 tahun yang disyaki didera oleh penjaganya,** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan menyelamatkan dan menempatkan kanak-kanak tersebut di institusi di bawah pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat(JKM) pada 5 Julai 2021.
3. Hasil siasatan JKM juga mendapati bahawa penjaga berkenaan merupakan pengusaha sebuah Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sehubungan itu, pada **12 Julai 2021, JKM telah mengambil tindakan menyita (LAK)** terhadap Pusat Jagaan ini selari dengan Seksyen 5(1), Akta Pusat Jagaan 1993.

4. Pada 15 Julai 2021 hasil daripada aduan awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama Bahagian D 11 Polis Diraja Malaysia sekali lagi telah menjalankan **operasi menyelamatkan ke atas 11 orang** kanak-kanak yang masih berada di bawah jagaan pengusaha pusat jagaan berkenaan. Seramai **6 orang kanak-kanak ditempatkan di institusi di bawah pentadbiran JKM dan 5 orang lagi** dikembalikan kepada keluarga.

5. **Saya menggesa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) agar dapat menyegerakan siasatan berhubung dengan kes penderaaan kanak-kanak** yang pernah mendapat penjagaan oleh pengusaha Pusat Jagaan berkenaan. Saya juga memohon supaya **hukuman yang tegas dan setimpal** diberikan kepada pesalah agar perkara sebegini tidak berulang lagi,

6. Pihak Kementerian melalui JKM amat memandang serius isu yang berkaitan pengabaian penjagaan dan penderaan kanak-kanak. **Saya juga menyeru kepada masyarakat untuk tidak menularkan lagi gambar atau apa-apa bentuk rakaman kes penderaan ini kerana ianya boleh menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 15, Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).**

7. Saya memohon masyarakat awam untuk segera membuat laporan kepada pihak berkuasa PDRM ataupun Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam apabila mengetahui atau mengesyaki apa-apa kes eksploitasi kanak-kanak. Masyarakat awam juga boleh membuat laporan di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan di seluruh negara.